

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana penyusutan nilai mata wang ringgit telah atau akan memberi kesan ke atas kos pengajian dan kos hidup para pelajar kita di luar negara terutama mereka yang di bawah tajaan Kerajaan. Adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan jumlah tajaan yang sedia ada.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusutan nilai mata wang ringgit secara tidak langsung memberi kesan kepada kos yuran pengajian dan kos sara hidup pelajar tajaan Kerajaan di luar negara. Sehubungan itu, bagi menampung keperluan dan memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian, Kerajaan dari semasa ke semasa membuat semakan ke atas kadar elaun yang diberi kepada pelajar tajaan. Ini adalah untuk memastikan elaun yang diterima sejajar dengan kos sara hidup dengan mengambil kira peningkatan kos yuran pengajian, kos pengangkutan dan penginapan.

Sehubungan itu, pada tahun 2012 sehingga 2014, kajian telah dibuat untuk menyemak semula kadar elaun di tiga buah negara iaitu United Kingdom, New Zealand dan India. Kajian telah memperakukan kadar baharu dan telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Sesungguhnya Kerajaan sentiasa memastikan kebajikan pelajar tajaan adalah terjaga dan terbela. Namun begitu, kemampuan kewangan Kerajaan turut diambil kira sebelum sesuatu kadar baharu diperkenalkan.

Sekian. Terima kasih.